

# Prasarana perlu naik taraf kemudahan atasi kesesakan

**Butterworth:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mahu Prasarana sebagai pengendali baharu feri Pulau Pinang dapat menaikkan semula imej pengangkutan berkenaan yang menjadi ikon dan kebanggaan rakyat di negeri ini.

Presidennya, SM Mohamed Idris, berkata sejak sekian lama pihaknya memperjuangkan hak pengguna yang mahu perkhidmatan feri Pulau Pinang ditambah baik, berharap pengambilalihan ini dapat mengembalikan kepercayaan pengguna terhadap pengangkutan berkenaan.

"Jika dahulu tempoh menunggu feri antara 10 hingga 15 minit sahaja kini ada masanya pengguna perlu menunggu satu jam terutama ketika waktu puncak untuk menaiki pengangkutan berkenaan.

"Ada pengguna dan pelancong yang mengadu perjalanan dari Butterworth ke Kuala Lumpur lebih lancar berbanding feri. Ini agak memalukan memandangkan feri antara ikon pelancongan di negeri ini," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

## Tingkatkan kekerapan

Mengulas lanjut, SM Mohamed berkata, pihaknya mahu prasarana menambahbaik perkhidmatan dari aspek pematuhan jadual perjalanan, selain meningkatkan kekerapan feri yang sekali gus dapat mengurangkan tempoh menunggu terutama ketika waktu puncak.

"Kita juga mahu Prasarana membuat kaji selidik orang ramai terutama terhadap pengguna pengangkutan ini untuk mendapatkan pandangan jenis penambahbaikan yang perlu diberi keutamaan.

"Penambahbaikan ini penting untuk menggalakkan orang ramai atau pemilik kenderaan memilih perkhidmatan berkenaan dalam usaha mengurangkan kesesakan di Jambatan Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Setiausaha UMNO Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir berkata, perkhidmatan feri perlu dipertingkatkan kerana ia menjadi pilihan pengangkutan awam kepada rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah.

"Feri Pulau Pinang bukan sahaja ikon pelancongan sebaliknya ia pengangkutan pilihan rakyat terutama mereka berpendapatan rendah. Jadi, saya berharap Prasarana mampu menaikkan semula imej feri Pulau Pinang dengan melaksanakan pendekatan yang menguntungkan pengguna termasuk tidak menaikkan tambang feri.

"Kita juga menyeru Kerajaan Persekutuan supaya selepas ini mengkaji semula langkah penastasaan terhadap mana-mana perkhidmatan atau badan, bagi mengelak isu seperti feri Pulau Pinang terjadi," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz, sebelum ini dipetik sebagai berkata, pengambilalihan berkenaan memerlukan sedikit masa kerana ia membabitkan peralihan pengurusan daripada pengendali sedia ada, iaitu Penang Port Sdn Bhd.

# MAN KOTA

## PENGAMBILALIHAN FERİ PULAU PINANG OLEH PRASARANA MALAYSIA BERHAD (PRASARANA)



Ketika ini pengguna terpaksa menunggu

dalam tempoh 15 hingga 30 minit untuk menaiki feri"

**Nor Azlina Aziz,**  
Pekerja swasta



Saya berharap Prasarana mengkaji menyediakan

eskalator ataupun lif untuk memudahkan pengguna"

**Seri Rahayu Dahalan,**  
Pengguna feri



Ini kali pertama saya guna feri dari Georgetown untuk ke KTM

Butterworth dan khidmat ini tidak mengecewakan"

**Yong Shu Wen,**  
Pelajar kolej swasta

[FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH]



Penumpang termasuk pelancong dan pengguna kenderaan menggunakan perkhidmatan feri yang menghubungkan Butterworth dan Pulau Pinang.

# Nafas baharu khidmat feri

➔ Pengguna mahu ikon pengangkutan Pulau Pinang ditambah baik

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar  
ctfa@bh.com.my

■ Butterworth

Orang ramai terutama penduduk negeri ini berharap pengambilalihan feri Pulau Pinang oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) yang dijangka berkuat kuasa hujung bulan ini, dapat memberi nafas baharu terhadap ikon pengangkutan berkenaan.

Kebanyakan pengguna feri yang ditemui BH, menyimpan harapan besar untuk melihat

penambahbaikan terhadap mutu perkhidmatan feri Pulau Pinang dilakukan segera bagi mengembalikan kepercayaan pengguna terhadap pengangkutan itu.

Pekerja swasta, Nor Azlina Aziz, 41, berkata beliau sudah menggunakan perkhidmatan itu sejak 2000 untuk berulang alik dari rumahnya di Telok Air Tawar di sini, ke tempat kerja di Georgetown.

Selama 17 tahun menjadi pengguna tegar pengangkutan itu, katanya, beliau kecewa kerana tidak ada penambahbaikan yang ketara dilakukan untuk memberi keselesaan kepada pengguna.

"Sebagai pengguna saya berharap pengambilalihan ini memberi nafas baru terhadap perkhidmatan yang ditawarkan terutama membabitkan isu kekerapan perjalanan.

## Kekerapan 30 minit

"Ketika ini pengguna terpaksa menunggu dalam tempoh 15

hingga 30 minit untuk menaiki feri namun, bagi hujung minggu atau cuti umum kekerapan perkhidmatan feri dikurangkan berbanding hari biasa yang adakalanya menyebabkan tempoh menunggu mengambil masa 30 minit hingga satu jam.

"Ini sangat rumitkan memandangkan jumlah pengguna pada cuti umum dan hujung minggu meningkat, selain ia tidak adil kepada mereka terutama pekerja swasta yang menggunakan perkhidmatan itu untuk ke tempat kerja pada cuti umum termasuk hari Sabtu dan Ahad," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

## Tiada eskalator

Pengguna, Seri Rahayu Dahalan, 25, berkata, dia menggunakan feri dari Georgetown ke Butterworth sebelum menaiki tren Keretapi Tanah Melayu (KTM) untuk ke rumah saudaranya di Kuala Lumpur.

"Bagaimanapun perjalanan dari Terminal Feri Sultan Abdul

Halim ke KTM Butterworth terlalu panjang dan menyukarkan pengguna terutama kepada warga tua dan mereka yang membawa beg besar dan barang berat.

"Saya berharap Prasarana mengambil maklum perkara ini, serta mengkaji termasuk menyediakan eskalator ataupun lif untuk memudahkan pengguna terutama mereka yang tidak berupaya menaiki tangga," katanya.

Pelajar kolej swasta, Yong Shu Wen, 20, berkata, dia berhasrat untuk menggunakan perkhidmatan feri dari Georgetown ke Butterworth sebelum menaiki tren ke rumahnya di Seremban, Negeri Sembilan berbanding menaiki kapal terbang.

"Ini kali pertama saya menggunakan feri dari Georgetown untuk ke KTM Butterworth dan secara keseluruhannya perkhidmatan ini tidak mengecewakan dan berharap ia dapat ditingkatkan selepas Prasarana mengambil alih," katanya.